NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 13/8/2010

› SUARA BLOG

UM - 13/08/10

Cina dan bahasa Melayu, MB Selangor diintip

ISU kegagalan masyarakat Cina menguasai bahasa Melayu sehingga menjejaskan tugas pembanci untuk mendapatkan maklumat mereka dan perihal Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menemui perakam video di dalam pejabatnya, antara topik yang mendapat perhatian penulis-penulis blog pada minggu ini.

Penulis blog **Mummy Rokiah** (*mummyrokiah.blogspot.com*) berkata, beliau hairan dengan sikap masyarakat Cina yang memberi alasan tidak menguasai bahasa lain, selain Mandarin sedangkan mereka tinggal dan mengecapi kemakmuran di negara ini.

Katanya, ia jelas menggambarkan sikap kebanyakan masyarakat Cina di negara ini yang gagal diperjuangkan oleh MCA kerana mereka memisahkan diri dengan arus perdana pentadbiran kerajaan.

"Malah, jauh sekali untuk mereka memahami konsep 1Malaysia yang dilaung-laungkan oleh Perdana Menteri. Jika ini berlaku, ternyata 1Malaysia hanya lebih kepada mereka menerima, daripada mereka memberi," katanya.

Mohd Zakhir Mohamad dalam *Big Dog* (*bigdogdotcom.wordpress.com*) pula menyalahkan sekolah vernakular yang menjadi penyebab ramai kalangan masyarakat Cina gagal menguasai bahasa Melayu, berbanding bahasa ibunda mereka.

Katanya, kegagalan minoriti masyarakat Malaysia untuk menguasai penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, walaupun sekadar perbualan harian menunjukkan jurang perbezaan antara kaum itu amat serius dan semakin renggang.

"Usaha mempertahankan sistem sekolah vernakular dan layanan yang diberikan semata-mata menjaga 'perasaan politik' ini sudah jelas menunjukkan produktiviti songsang kepada pembangunan dan proses memantapkan negara-bangsa. 'Minoriti' ini telah membuktikan kedegilan mereka sudah menjejaskan kepentingan strategik negara.

"Hakikatnya, golongan ini hanya 26 peratus daripada rakyat Malaysia tetapi mereka amat tegar mahukan sistem sekolah vernakular yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar diteruskan dan mereka tergamak menggunakan 'ugutan politik' untuk menentukan 'hak' mereka ini terpelihara dan makin diperluaskan," katanya.

Justeru, katanya, sudah tiba masanya Perdana Menteri mempertimbangkan dengan serius dan mengambil tindakan berstruktur dan bersistematik untuk mengurangkan sistem sekolah vernakular secara berperingkat sehingga dimansuhkan sepenuhnya dan pada masa yang sama melaksanakan sistem satu sekolah untuk semua.

Mengenai penemuan kamera video di pejabat Khalid, penulis blog **Papa Gomo** (*www.papagomo.com*) mempersoalkan tindakan Menteri Besar yang mahu menjalankan siasatan sendiri terhadap isi kandungan perakam tersebut dan bukannya diserahkan kepada pihak polis.

Katanya, tindakan Khalid yang memegang dan menayangkan perakam tersebut kepada media juga patut dipersoalkan memandangkan ia merupakan satu-satunya bukti penting berhubung dakwaan tersebut.

"Dah kata pejabatnya diceroboh tapi Khalid menjalankan siasatannya sendiri pulak. Lepas tu... nak pertimbangkan sama ada nak buat ataupun tidak laporan polis. Kalau pejabat kena ceroboh, itu wajiblah buat laporan polis. Pasal apa nak fikir-fikir dulu?

"Khalid juga kata nak lihat dahulu rakaman tersebut bagi menyenangkan tugas polis. Khalid nak tengok apa ada dalam kamera itu? Kalau ada benda 'panas', agak-agak Khalid padam atau tidak? Masing-masing boleh fikir benda semudah ini.

"Harap ada rakyat Selangor dapat membuat laporan polis kerana Pejabat Menteri Besar telah diceroboh. Kita buat laporan polis, (untuk) tolong Khalid. Bila laporan polis dibuat maka polis akan jalankan siasatan. Harap penceroboh berjaya ditangkap," katanya.

Penulis blog **Nasionalis1982** (*nasionalis1982.blogspot.com*) berkata, Khalid menonjolkan sikap seorang yang tenang walaupun berjaya menemui perakam video di dalam pejabatnya sehinggakan selepas penemuan itu, beliau terus menghubungi wartawan dan bukannya pihak polis.

"Khalid Ibrahim ni lain sikit. Dia tak cari polis. Tapi yang dia cari adalah wartawan. Khalid pamerkan kamera yang dikatakan sebagai tersembunyi dalam pejabat kepada wartawan. Tapi apa yang dirakam oleh kamera itu... tak pula ditunjukkan oleh Khalid.

"Kenapa Khalid kena tengok rakaman dulu? Adakah Khalid takut jika ada 'adegan' yang berjaya dirakam oleh kamera tersebut? Khalid cuma cakap dia akan buat *report* polis jika ada keperluan. Jika tiada keperluan, bolehlah Khalid simpan kamera 'percuma' itu buat kenangan," katanya.

Shamsul Yunus (*marahku.blogspot.com*) berkata, setiap ahli politik sememangnya mempunyai ramai musuh dan hakikatnya, rakan-rakan di sekeliling mereka juga boleh menjadi musuh mereka.

Justeru, katanya, apabila Menteri Besar Selangor dikatakan menemui perakam video tersembunyi di dalam pejabatnya, semua orang membuat andaian siapa yang mahu mengintip Khalid dan siapa yang memperoleh laba jika beliau dirakam melakukan kesalahan.

"Pertama sekali, siapa yang mahukan segala kegiatan Khalid di dalam pejabatnya dirakam. Kita perlu bermula dengan andaian bahawa Khalid sangat kompromi terhadap dirinya termasuk hal-hal peribadi di dalam pejabatnya.

"Langkah seterusnya, kita berandaian bahawa apa saja yang dirakamkan akan menjadi bukti terhadap apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh Khalid," katanya.

Kelolaan **LUKMAN ISMAIL**
lukman.ismail@utusan.com.my